

### BAB 8 – TAMADUN ISLAM DAN SUMBANGANNYA

(Halaman 167)

#### Khulafa al-Rasyidin (632-661M)

##### Abu Bakar al-Siddiq (632-634M)

Kelayakan Abu Bakar sebagai khalifah tidak dapat dipertikaikan. Baginda adalah yang tertua di antara sahabat-sahabat Nabi yang lain. Baginda menyumbangkan seluruh hidup dan kekayaannya untuk agama Islam. Baginda menemani Nabi Muhammad SAW sewaktu baginda berhijrah dari kota Makkah ke Madinah. Abu Bakar juga terkenal dengan sifatnya yang mulia, ramah, bijaksana dan berpengetahuan luas tentang asal usul orang-orang Arab serta seorang saudagar yang berjaya. Sewaktu Nabi Muhammad SAW gering, Abu Bakar telah diminta oleh baginda untuk mengimamkan solat menggantikan baginda. Semasa memerintah, Abu Bakar telah mengarahkan Zaid bin Thabit mengumpulkan al-Quran yang ketika itu ditulis di atas pelepah kurma dan kepingan batu.

##### Umar bin al-Khattab (634-644M)

Abu Bakar al Siddiq telah menamakan Umar al-Khattab sebagai penggantinya dengan dipersetujui para sahabat yang lain. Umar seorang yang berpendirian teguh, berwibawa, tegas dan turut menggunakan kekayaannya untuk kepentingan Islam. Walaupun empayar Islam begitu luas ketika itu meliputi Parsi, Syria dan Mesir, Umar telah berjaya menyelesaikan permasalahan rakyatnya berkat kebijaksanaan, kesabaran dan keadilannya. Umar telah menggariskan panduan, prinsip serta pentadbiran dalam sistem undang-undang Islam. Baginda jugalah yang menetapkan Hijrah sebagai titik bermulanya takwim Islam.

Umar telah melantik gabenor-gabenor wilayah berdasarkan ketaatan mereka kepada Allah SWT, kebolehan dan pengetahuan supaya mereka dapat memerintah dengan bijaksana. Selama pemerintahan Umar, satu gelaran baharu bagi khalifah diperkenalkan, iaitu Amir al-Mukminin bererti pemimpin umat Islam. Baginda juga mementingkan pendidikan mengadakan kelas-kelas bacaan al-Quran di seluruh wilayah Islam. Baginda juga mengutus guru-guru ke luar daerah serta menjadikan kota Basrah dan Kufah pusat pengajian Islam.

##### Uthman bin Affan (644-656M)

Ketika Umar al Khattab dalam keadaan tenat, baginda telah membentuk suatu lembaga yang terdiri daripada enam orang untuk melantik dari kalangan mereka sebagai pengganti. Antara beberapa nama yang dicalonkan, Uthman bin Affan yang terpilih memandangkan beliau lebih berumur. Uthman banyak berkorban untuk menegakkan syiar Islam, lemah lembut dan dermawan. Semasa pemerintahannya, wilayah Islam meliputi Makkah, Taif, Kufah, Palestin, Parsi, Mesir dan beberapa negara lain. Uthman telah menubuhkan angkatan tentera laut sehingga berjaya menguasai Pulau Cyprus. Ketika pemerintahannya, Uthman telah mengarahkan supaya al-Quran disalin semula dan dibukukan. Al-Quran yang dibukukan dipanggil Mashaf Uthmani dan digunakan sehingga hari ini.

##### Ali bin Abi Talib (656-661M)

Setelah Uthman bin Affan meninggal dunia, Ali bin Abi Talib merupakan satu-satunya calon yang layak untuk menyandang jawatan khalifah dan pelantikannya dipersetujui oleh semua golongan. Ali merupakan sepupu serta menantu Nabi Muhammad SAW kerana berkahwin dengan anakandanya, Siti Fatimah. Ali Abi Talib mempunyai sifat istimewa seperti bijak, berpengetahuan luas dan pemidato yang bernas. Beliau juga seorang pahlawan Islam yang unggul, tulus hati, jujur, berani dan bersikap sederhana. Khalifah Ali begitu mementingkan pendidikan Islam bukan sahaja untuk mendalami hukum malahan sebagai suatu kegiatan ilmiah.

#### Rujukan:

M.A. Rauf, 1987. Ikhtisar Sejarah Islam. Petaling Jaya: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.  
Mahayudin Hj. Yahaya, 1999. Tamadun Islam. Shah Alam. Penerbitan Fajar Bakti Sdn. Bhd.